

Satu bentuk keganasan terhadap golongan wanita

PAKAR Dasar Implikasi terhadap Wanita, Umutai Dauletova berkata, Kerajaan Kyrgyzstan sedang bekerjasama dengan Tabung Populasi PBB berhubung isu tersebut.

"Segelintir individu mendakwa fenomena *ala kachuu* itu telah menurun. Tetapi tanpa data rasmi, ia sukar disahkan.

Menurutnya, isu utama adalah tentang kahwin muda berikutan kebanyakan mangsa amalan *ala kachuu* adalah berusia 17 atau 18 tahun, malah ada yang lebih muda.

"Ada perkahwinan yang tidak daftarkan. Tanpa mendapat pengesahan kerajaan, golongan wanita terbabit tidak mempunyai perlindungan dalam kes seperti perceraian atau ditinggalkan," katanya.

Sementara itu, hasil kajian Timbalan Pengarah di Institut Kyz Korgon, Prof Emeritus di Universiti



Sebahagian besar perkahwinan di Kyrgyzstan bermula dengan 'culik dan lari'.

Philadelphia, Russell Kleinbach yang dilakukan antara 2004 dan 2013 mendapati, sebahagian daripada

perkahwinan di Bishkek adalah bermula dengan 'culik dan lari' malah satu pertiga daripadanya adalah se-

dinyatakan dalam Strategi Kebangsaan untuk Mencapai Kesamaan Jantina menjelang 2020.

TRIVIA

- Statistik Suruhanjaya Kebangsaan menganggarkan 15 peratus daripada wanita yang berkahwin antara usia 25 dan 49 tahun, melangsungkan perkahwinan sebelum berumur 18 tahun – satu peratus berbuat demikian di bawah usia 15 tahun.
- Menculik dan memaksa golongan bawah umur berkahwin dikenakan hukuman penalti sehingga tujuh tahun penjara.
- Hanya 25 kes 'culik pengantin perempuan' dibawa ke mahkamah di Kyrgyzstan.
- Statistik tidak rasmi mendapati lebih 10,000 wanita muda diculik pada setiap tahun.

Budaya 'culik pengantin perempuan' berleluasa

AMALAN culik pengantin perempuan turut berlaku di sekurang-kurangnya 17 negara di seluruh dunia termasuk China, Mexico, Rusia dan selatan Afrika.

Di negara terbabit, masyarakat sudah biasa dengan budaya wanita muda atau remaja diculik, dirogol dan dipaksa berkahwin.

Kekurangan laporan bermakna tidak statistik global tentang isu tersebut, namun kes tersebut yang sering berlaku pada Zaman Pertengahan kini didakwa meningkat pada abad ke-21.

Jumlah wanita yang kurang di China, selain dasar satu anak dikatakan punca golongan lelaki mencari alternatif ekstrem untuk mencari isteri dan sanggup membayar penculik antara AS\$146 (RM613) dan AS\$609 (RM2,558) menjadi 'pengantin' buat mereka.

Mangsa seawal usia 13 tahun, biasanya diculik di Vietnam dan diseludup ke sempadan untuk dihantar kepada 'suami' mereka di China.

Amalan yang merupakan satu bentuk keganasan terhadap wanita itu juga dianggap tradisi di luar Asia dan Afrika.

Dalam kalangan masyarakat Tzeltak di Chiapas, selatan Mexico, wanita sering diculik dan dipaksa berkahwin oleh lelaki yang gagal mencari pasangan. Ia dianggap adat yang mana lelaki menculik wanita dan membawa mereka ke kawasan pergunungan sebelum dirogol.

Di Umutara, Rwanda, jika gadis belasan tahun atau awal 20-an dilihat berjalan sendirian, dia berisiko dirogol dan dipukul oleh rakan lelaki yang mahu mengahwininya.

Lelaki tersebut akan bermalam bersamanya selama beberapa hari sebelum bertemu dengan keluarga mangsa untuk meminta maaf kerana 'menculik' anak perempuan mereka.

Ia kemudiannya diakhiri dengan majlis perkahwinan.



cara paksa.

Kira-kira 11,800 kes penculikan wanita dan remaja perempuan berlaku pada setiap tahun di Kyrgyzstan dengan lebih 2,000 dilaporkan telah dirogol.

Kleinbach turut menolak dakwaan sesetengah pihak yang mendakwa amalan 'culik dan lari' itu kononnya sebagai tradisi lama.

Jelasnya, amalan itu jarang berlaku sebelum era Soviet kerana ia boleh mencetuskan konflik serius antara keluarga atau puak.

"Penculikan wanita untuk dipaksa kahwin tidak terdapat dalam bahan sastera abad ke-18 atau epik masyarakat tempatan," menurutnya lagi.

Pakar hak asasi manusia turut menyokong amalan *alaa kachuu* adalah satu bentuk keganasan seksual dan ia

Laporan itu menyebut, budaya itu adalah satu contoh ketidaksamaannya dan keganasan terhadap wanita.

Menurut Prof Hak Asasi Manusia di American University of Central Asia, Chingiz Batyrbekov, amalan 'culik dan lari' itu adalah masalah hak asasi manusia dan kerajaan masih belum mengambil langkah sewajarnya untuk menangani isu itu.

"Undang-undang telah dikuatkuasakan, namun masih tiada perubahan. Hanya ahli parlimen wanita yang membangkitkan masalah itu kerana Kerajaan Kyrgyzstan tidak melihat ia sebagai satu isu.

Pada 2013, Presiden Almazbek Atambayev telah meluluskan undang-undang yang meningkatkan penalti untuk kes ala kachuu sehingga 10 tahun penjara.

Kesedaran awam memerlukan supaya kerajaan membangunkan satu strategi komprehensif untuk menangani penculikan pengantin yang termasuk siasatan berkesan, pendakwaan dan sabitan pelaku selain menyediakan perkhidmatan sokongan kepada mangsa.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut mencuba kempen melalui media tetapi ia tidak berjaya atas sebab tertentu.

Kesedaran awam perlu dilakukan daripada peringkat tertinggi dari pejabat presiden dan tokoh berwibawa seperti pemimpin agama.

Memperkasakan remaja dan wanita juga boleh menjadi satu lagi langkah penting dengan cara memberi lebih pendedahan tentang pendidikan seks serta keganasan rumah tangga.

TRADISI CULIK & BAWA

1/5

PERKAHWINAN

Di Uzbekistan dan Karakalpakstan, hampir satu perlima daripada perkahwinan bermula dengan tindakan penculikan.

HUKUMAN PENJARA

Di bawah undang-undang Rusia, penculik yang enggan membebaskan 'isterinya' boleh dijatuhi hukuman penjara 8 hingga 10 tahun. Tetapi, penculik tidak akan didakwa jika dia membebaskan mangsa atau berkahwin tanpa persetujuan.

LARI UNTUK KAHWIN

BUDAYA

Di Dagestan, Chechnya dan Ingushetia, menculik wanita untuk kahwin dianggap sebagai satu budaya.

LANGGAR UNDANG-UNDANG

Menculik wanita untuk berkahwin dianggap melanggar undang-undang ketika era Soviet di Asia Tengah dan dilarang secara rasmi di Kazakhstan. Ia sebenarnya tidak dibenarkan di Astana walaupun kelihatan tradisi itu seakan dibenarkan di negara tersebut.

STATISTIK

■ Sehingga satu pertiga daripada wanita di Kyrgyzstan berkahwin secara paksa mengikut tradisi *alaa kachuu* (culik dan bawa lari).

■ Hampir separuh daripada 1,322 perkahwinan yang didaftarkan di enam perkampungan Kyrgyzstan adalah bermula dengan penculikan.

■ Dalam satu perkampungan di Bishkek, 63 peratus remaja dan wanita berkahwin berumur 16 hingga 25 tahun diculik tanpa persetujuan mereka.